



**POLISI KONFLIK
KEPENTINGAN**
Majlis Bandaraya Pulau Pinang



*CONFLICT OF INTEREST
Policy*



POLISI KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

1.0 PENGENALAN

Ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam, warga Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mungkin berada di dalam konflik kepentingan yang menyebabkan mereka tidak dapat bertindak secara objektif dan telus sekaligus sukar membuat keputusan secara adil dan saksama berkaitan urusan rasmi.

2.0 TUJUAN

Polisi Konflik Kepentingan ini dibangunkan untuk memberi panduan kepada warga MBPP dalam menangani isu konflik kepentingan ketika melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam.

3.0 TAKRIFAN

3.1 PERCANGGAHAN KONFLIK KEPENTINGAN

Apa-apa tingkah laku atau cara yang boleh menyebabkan pegawai membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kepentingan awam atau menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri, saudara atau sekutu.

3.2 WARGA MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Semua kakitangan yang sedang berkhidmat di Majlis Bandaraya Pulau Pinang sama ada melalui lantikan tetap, kontrak, sementara, sambilan, atau pegawai kader dan pinjaman. Warga Majlis Bandaraya Pulau Pinang juga termasuk Ahli Majlis, Datuk Bandar dan Setiausaha Bandaraya.

3.3 SAUDARA DAN SEKUTU

Merujuk kepada tafsiran "saudara" dan "sekutu" di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

3.4 PIHAK KETIGA

Kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, persatuan, individu, rakan strategik, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau mana-mana pihak yang berurusan dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

3.5 URUSAN KERAJAAN

Semua urusan Kerajaan seperti perolehan, pengurusan sumber manusia, permohonan kelulusan pelesenan, kelulusan permit, pinjaman, dan sebagainya.

3.6 RASUAH

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

4.0 PERNYATAAN POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

Setiap warga Majlis Bandaraya Pulau Pinang **dilarang**:

- 4.1 Mengadakan hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pihak ketiga untuk kepentingan peribadi yang boleh menimbulkan konflik kepentingan dengan tugas rasminya.
- 4.2 Membiarkan diri atau saudara / sekutu berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kepentingan tugas rasmi.
- 4.3 Terlibat dalam membuat keputusan atau urusan perolehan atas kapasiti tugas rasmi dengan mana-mana pihak yang mana saudaranya atau sekutunya memiliki kepentingan dalam pihak tersebut.
- 4.4 Menyalahguna kedudukan rasmi untuk mempengaruhi keputusan yang memihak kepada dirinya atau saudara / sekutunya.
- 4.5 Menyalahguna kedudukan rasmi sebagai warga Jabatan untuk mendapat layanan istimewa atau keuntungan daripada mana-mana pihak ketiga.
- 4.6 Menyalurkan apa-apa maklumat terperinci berkaitan Jabatan yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di Majlis Bandaraya Pulau Pinang

5.0 PENGISYTIHARAN POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

- 5.1 Warga Jabatan yang mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana proses kerja hendaklah mengisytiharkan kepentingannya kepada Ketua Jabatan.
- 5.2 Ketua Jabatan hendaklah menggantikan mana-mana warga Jabatan yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan pegawai yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja tersebut.
- 5.3 Warga Jabatan yang mempunyai konflik kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat (contoh sebut harga dan tender) atau panel (contoh temu duga), hendaklah mengisytiharkan kepentingannya kepada mesyuarat / panel serta meninggalkan mesyuarat / panel tersebut. Urus setia kemudiannya hendaklah merekodkan pengisytiharan kepentingan pegawai dan tindakan pegawai meninggalkan mesyuarat / panel.

6.0 PELANGGARAN POLISI

Mana-mana warga Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang didapati gagal untuk mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan diambil tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000. Pelanggaran polisi oleh pihak ketiga akan dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, atau mana-mana badan pengawal lain yang berkaitan.

7.0 PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

**Unit Integriti
Majlis Bandaraya Pulau Pinang,
Tingkat 17, KOMTAR,
10000, George Town, Pulau Pinang; atau**

Menghubungi talian : **04 - 259 2137**

8.0 PENUTUP

Pelaksanaan Polisi Konflik Kepentingan ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan MBPP dalam menerapkan nilai integriti yang tinggi serta mempraktikkan amalan terbaik dalam aspek penyampaian perkhidmatan MBPP sekaligus dapat mengurus sebarang konflik kepentingan dalam melaksanakan tugas dengan baik sebagai penjawat awam.



AKU JANJI KONFLIK KEPENTINGAN
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Saya
No.KP dengan ini mengaku
bahawa saya tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan yang
melibatkan saudara dan sekutu (merujuk kepada tafsiran dalam Akta
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 – Akta 694) semasa
menjalankan tugas rasmi di MBPP.

Saya juga berjanji bahawa sekiranya saya mempunyai konflik
kepentingan mana-mana tugas rasmi, saya hendaklah mengisytiharkan
kepentingan tersebut secara bertulis kepada Ketua Jabatan dan menarik
diri daripada terlibat dalam urusan rasmi berkenaan.

Saya akur sekiranya mengingkari janji ini atau didapati telah
memberikan maklumat palsu untuk menutup kepentingan semasa
menjalankan tugas rasmi, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di
bawah Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tatatertib) Majlis
Perbandaran Pulau Pinang 2000.

Tandatangan Pegawai :

Nama :

Jawatan :

Tempat Bertugas :

Tarikh :

**10. 0 BORANG PERISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**



**BORANG PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**

SayaNo. K/P:
dengan ini mengisytiharkan bahawasanya saya mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam proses kerja atau perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan kepentingan dengan tugas-tugas saya sebagai pegawai Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Butir-butir proses kerja atau perkara berkenaan dinyatakan seperti berikut:

Individu/ Syarikat / Organisasi bernama
merupakan(hubungan dengan pegawai).

Individu / Syarikat / Organisasi di atas terlibat dalam / ada membuat permohonan

.....
..... dan saya merupakan.....

(kaitan dengan proses kerja di Majlis Bandaraya Pulau Pinang).

Saya dengan ini memohon agar dikecualikan daripada terlibat dalam apa-apa proses kerja yang berkaitan dengan permohonan atau urusan di atas. Saya mengakui bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul.

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Tarikh :

